



PANDUAN PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR N27

ARAHAN KEPADA CALON

1. Pada hari peperiksaan calon perlu membawa:
 - a. Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan
 - b. Kad Pengenalan
 - c. Alat tulis; pensel 2B, pen, pembaris, pemadam dan peralatan lain yang difikirkan perlu.
2. Calon mesti berada di pusat peperiksaan **tiga puluh (30) minit** sebelum Peperiksaan dimulakan.
3. Calon mesti mematuhi arahan Ketua Pengawas.
4. Calon dilarang berkomunikasi sesama sendiri. Angkat tangan jika ada masalah atau pertanyaan.
5. Calon hanya boleh meninggalkan Pusat Peperiksaan tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan dimulakan.
6. Calon mesti kenal pasti pusat peperiksaan sehari sebelum hari peperiksaan.
7. Calon mesti berpakaian kemas, sopan dan tidak menjolok mata.
8. Calon hanya dibenarkan meninggalkan pusat peperiksaan apabila diarah oleh Ketua Pengawas.

PANDUAN UMUM KEPADA CALON

Peperiksaan ini mempunyai dua (2) bahagian dan dibahagikan kepada lima (5) seksyen seperti berikut :-

BAHAGIAN I - PSIKOLOGI

Seksyen A - Sahsiah Diri
Seksyen B - Minat

BAHAGIAN II - KECENDERUNGAN

Seksyen A - Pengetahuan Am Mengenai Malaysia dan Alam Sekeliling
Seksyen B - Daya Menyelesaikan Masalah
Seksyen C - Esei Bahasa Melayu.

BAHAGIAN I - PSIKOLOGI

Seksyen A - Sahsiah Diri

Calon dikehendaki menjawab soalan-soalan yang menyentuh sifat-sifat peribadi calon dalam aspek kepimpinan, komunikasi, toleransi, motivasi, kerjasama sepasukan, integriti, kemahiran berfikir dan kejujuran.

Masa : 30 minit
Bilangan Soalan : 40 (aneka pilihan)

Seksyen B - Minat

Calon akan dinilai melalui soalan-soalan yang menjurus kepada minat dan kecenderungan berkaitan bidang tugas.

Masa : 45 minit
Bilangan Soalan : 60 (aneka pilihan)

BAHAGIAN II - KECENDERUNGAN

Seksyen A – Pengetahuan Am

Tujuan seksyen ini adalah untuk menguji daya kesedaran calon memperlengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai perkara-perkara yang berlaku di dunia sekeliling amnya dan Malaysia khususnya. Calon adalah dikehendaki memiliki pengetahuan umum mengenai pemerintahan Malaysia dari segi politik, ekonomi, sosial, sains, teknologi serta lain-lain perkembangan di seluruh dunia yang ada kena mengena dengan Malaysia. Oleh kerana perkara ini adalah umum maka tidak ada buku-buku teks tertentu yang ditetapkan untuk dibaca. Soalan-soalan akan difikirkan patut diketahui oleh rakyat Malaysia yang mempunyai sekurang-kurangnya STPM. Calon-calon yang biasa mengikuti perkembangan dunia melalui media massa akan mudah menjawab soalan ini.

Masa : 45 minit
Bilangan Soalan : 50

Seksyen B – Daya Menyelesaikan Masalah

Tujuan seksyen ini adalah menguji daya menyelesaikan masalah yang ada pada calon dengan menggunakan:

- (i) Pemikiran Logik
- (ii) Interpretasi Data; dan
- (iii) Konsep-konsep Matematik yang mudah

- (i) Penyelesaian Masalah Menggunakan Pemikiran Logik.
Dalam seksyen ini calon dikehendaki menggunakan aptitud logik untuk memilih jawapan yang tepat atau mengenalpasti jawapan yang salah.

- (ii) Kebolehan Menginterpretasi Data
Calon dikehendaki menyelesaikan permasalahan yang disediakan dalam bentuk, perangkaan melalui analisa ke atas graf, jadual dan sebagainya.
- (iii) Penyelesaian Masalah dengan Menggunakan Konsep-konsep Matematik
Konsep Matematik yang digunakan adalah berdasarkan sukatan peperiksaan tidak melebihi Tingkatan 5 (SPM) misalnya penggunaan algebra dan geometri. Jika ada calon-calon yang berkelulusan matematik di peringkat diploma, ini tidak bermakna mereka mudah menjawab berbanding calon-calon lain kerana bukan hanya memerlukan pengetahuan konsep-konsep matematik tetapi juga daya penyelesaian logik.

Masa : 50 minit
Bilangan Soalan : 60 soalan

Seksyen C – Esei Bahasa Melayu

Tujuan seksyen ini adalah menguji penguasaan bahasa dan penulisan calon-calon dalam aspek penganalisan masalah yang dikemukakan melalui kejelasan (*clarity*) dan kematangan pengolahan idea. Di dalam Seksyen ini calon-calon akan diberi tajuk yang menggalakkan mereka untuk memberi pandangan dan pemikiran terhadap sesuatu masalah. Misalnya: “ Bagaimanakah cara untuk mempertingkatkan sistem penyampaian Perkhidmatan Kerajaan”. Di dalam tajuk seperti ini calon hendaklah memberikan pendapat-pendapat dengan jelas, teratur dan munasabah.

Soalan : Tiga (3) Soalan Pilih Satu (1)
Masa : 1 Jam
Panjang Esei : Tidak Kurang 500 perkataan